

Tujuh individu didakwa sertai Perhimpunan Black 505
Malaysian Insider
July 24 , 2013
Oleh Rita Jong

Beberapa pemimpin Pakatan Rakyat (PR) Rafizi Ramli, Anthony Loke dan aktivis mahasiswa, Adam Adli Abdul Halim antara tujuh individu yang didakwa mengikut Akta Perhimpunan Aman berikutan Perhimpunan Black 505 di Padang Merbok bulan lalu.

Rafizi, Loke dan Mohamad Adib Ishar dituduh gagal mematuhi syarat yang ditetapkan Ketua Polis Daerah Dang Wangi, ACP Zainuddin Ahmad untuk memperoleh kebenaran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk berhimpun di Padang Merbok.

Sebagai pertuduhan pilihan, mereka didakwa gagal memberi notis 10 hari kepada polis sebelum menganjurkan perhimpunan.

Loke, seorang Ahli Parlimen Seremban dan Ahli Parlimen Pandan (Rafizi) dan ahli Sekretariat Pakatan Rakyat (Adib) kemudian meminta dibicarakan di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur.

Rafizi menyifatkan tuduhan berkenaan bersifat politik berikutan beliau dan Anthony boleh didenda maksimum RM10,000 jika sabit kesalahan mengikut Seksyen 15 (3) Akta Perhimpunan Aman itu.

Ia berikutan mereka boleh hilang kelayakan sebagai ahli parlimen jika dikenakan denda melebihi RM2,000.

Adam dan tiga aktivis, Ehsan Bukharee Badarul Hisham, Safwan Anang dan Bukhairi Sufian pula dituduh berhimpun di Masjid Ar Rahman di Universiti Malaya antara jam 12.30 tengah hari hingga 1.15 petang pada 22 Jun lalu.

Mereka antara individu terawal didakwa kerana menyertai Perhimpunan Black 505 yang didakwa bertujuan membantah penipuan pilihan raya umum ke-13. – 24 Julai, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/tujuh-didakwa-sertai-perhimpunan-black-505>